

**Malaysia Berjaya Bina Tamadun Dunia Moden, Kata Muhyiddin
Bernama
10 Ogos, 2012**

KANGAR, 10 Ogos (Bernama) -- Malaysia berjaya membina tamadun dunia moden yang dikagumi dunia di saat banyak negara lain berada di ambang kemelesetan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata banyak negara terutama negara Islam mahu menjadikan Malaysia sebagai contoh kerana pencapaian cemerlangnya dalam pelbagai bidang.

Berucap pada majlis berbuka puasa bersama kepimpinan dan penduduk Perlis di Dewan 2020 di sini Jumaat, beliau berkata pencapaian Malaysia bukan semata-mata takdir tetapi diasaskan kepada keupayaan dan kebijaksanaan kepimpinan.

"Malaysia menerima pujian daripada umat Islam kerana mereka tahu apa yang telah dicapai di negara ini termasuk kemajuan iktisad dan ekonomi yang dibina," katanya.

Muhyiddin berkata Malaysia meletakkan sasaran menjadi negara Islam pertama di dunia muncul negara maju menjelang 2020 dan ini akan dicapai dalam tempoh lapan tahun lagi.

"Dalam masa yang singkat Malaysia berupaya membina kekuatan dalam hampir semua bidang dan tuntutan agama juga menjadi tumpuan," katanya.

Beliau berkata di sektor ekonomi, Malaysia masih berupaya menunjukkan perkembangannya ketika ekonomi negara lain termasuk di Eropah menguncup.

Muhyiddin berkata dengan kekuatan ekonomi di negara ini, rakyat Malaysia tidak sepatutnya berhadapan dengan masalah pengangguran kerana ruang pekerjaan sentiasa terbuka luas.

Pengangguran yang berlaku disebabkan rakyat memilih pekerjaan dan ruang yang ditinggalkan rakyat Malaysia dibuka kepada rakyat asing.

"Sebanyak 3.3 juta tenaga kerja dijangka diperlukan di negara ini dalam tempoh lapan tahun akan datang dalam pelbagai sektor," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga sentiasa memberi tumpuan dalam bidang pendidikan dan menjadikan bidang itu sebagai hak milik rakyat.

"Dasar pendidikan adalah untuk semua. Selama 55 tahun (sejak merdeka) kita bangukan masyarakat Malaysia sehingga berjaya pada hari ini dan salah satu faktor kejayaan melalui pendidikan ialah mengurangkan kadar kemiskinan," katanya.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, berkata kerajaan sedang mengkaji semula sistem pembelajaran supaya dapat diperkasakan lagi dan berupaya menjana lebih banyak modal insan berkualiti.

Selain kajian, turut diadakan ialah siri dialog mengenai pendidikan nasional di samping mengumpul cadangan dan memorandum daripada pelbagai sumber.

Sempena majlis berbuka puasa itu, Muhyiddin bersama isterinya Puan Sri Norainee Abdul Rahman menyampaikan sumbangan kepada hampir 1,900 ibu tunggal dan anak yatim.

Pada majlis yang sama, beliau turut melancarkan buku bertajuk 'Masjid Al-Hussain' yang hasilkan sekumpulan penulis yang diterajui Tan Sri Mohd Ariffin Yusof, seorang usahawan yang menyediakan dana bagi membina masjid berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687378>